

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Dr.M melawat TLDM Lumut

LUMUT, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi sehari ke Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di sini Khamis ini.

Bellau yang juga Menteri Pertahanan akan memulakan lawatan jam 9 pagi untuk meninjau kemajuan pembinaan pangkalan berharga \$1,200 juta itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir akan mendengar taklimat selepas memeriksa dan menerima tabik hormat dari pasukan kehormatan di pangkalan kawat.

Taklimat tersebut akan disampaikan oleh Setiausaha Bahagian (projek raksaksa) Kementerian Pertahanan, Encik Effendi bin Hanafiah.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Tan Sri Mohd. Yusof bin Abdul Rahman akan turut menyampaikan kata-kata aluan sempena lawatan Perdana Menteri itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang diiringi oleh para pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Laut akan juga melawat Sekolah Latihan dan sekitar pangkalan sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang.